

**DHARURIYAT AL-KHAMS AND ITS RELATION TO THE PROTECTION OF THE ENVIRONMENT**

**DHARURIYAT AL-KHAMS DAN HUBUNGANNYA DENGAN MENJAGA ALAM SEKITAR**

Faezy Adenan<sup>i</sup>, Nurul Hanani Fadzil<sup>ii</sup>, Al-Aswa Ab Latifi<sup>iii</sup>, Muhammad Hamizan Ab Hamid<sup>iv</sup>,  
Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif<sup>v</sup> & Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli<sup>vi</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. faezyadenan@uitm.edu.my
- <sup>ii</sup> Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. 2022439978@student.uitm.edu.my
- <sup>iii</sup> Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. 2020282422@student.uitm.edu.my
- <sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. muhdamizan@uitm.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. izzatamsyar@ukm.edu.my
- <sup>vi</sup> Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. syahruldeen@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Maqasid Shariah is the central pillar of Syariah to preserve religion, life, reason, property and offspring for human welfare. It includes all aspects of socioeconomics and human development, including elements of education and family, which is a complete framework for the development of an Islamic country. The main objective of this study is to examine the importance of environmental protection according to the perspective of Maqasid Syariah to explain the priority of environmental protection and its relationship with human rights in Islam. There are three principal rights which are dharuriyyah rights (basic needs), hajiyyah rights (convenience) and tahsiniyyah rights (perfection). However, the main focus of the study is to describe the relationship between the elements of dharuriyyat al-khams, which are preserving religion, preserving life, preserving reason, preserving property, and preserving offspring with the importance of environmental protection. This study uses quantitative research methods by reviewing past studies related to the issue of environmental care with Maqasid Syariah. The data obtained were analyzed using the document analysis method to achieve the objectives of the study. The study found a significant relationship between environmental care and preserving the five elements of dharuriyyat al-khams in Maqasid Shariah. Some recommendations were also presented in this study.</i></p> <p>Keywords: <i>Maqasid, Shariah, Environment, Care, Dharuriyyat Al-Khams.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Maqasid Syariah adalah tunjang utama Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan untuk kebajikan manusia. Ia merangkumi seluruh aspek sosioekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang merupakan kerangka lengkap dalam pembangunan negara Islam. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji kepentingan penjagaan alam sekitar menurut perspektif Maqasid Syariah bagi menjelaskan keutamaan penjagaan alam sekitar dan hubungannya dengan hak</i></p>

	<p>manusia di dalam Islam. Terdapat tiga hak yang utama iaitu hak dharuriyyah (keperluan asas), hak hajiyyah (kemudahan) dan hak tahsiniyyah (kesempurnaan). Walau bagaimanapun, fokus utama kajian adalah untuk menghuraikan hubungan antara elemen dharuriyyat al-khams iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara harta, dan memelihara keturunan dengan kepentingan penjagaan alam sekitar. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan meninjau kajian-kajian lepas berkaitan dengan isu penjagaan alam sekitar dengan Maqasid Syariah. Data diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penjagaan alam sekitar dengan pemeliharaan kelima-lima elemen dharuriyyat al-khams dalam Maqasid Syariah. Beberapa cadangan juga turut dikemukakan dalam kajian ini.</p> <p>Kata Kunci: <i>Maqasid, Syariah, Penjagaan, Alam Sekitar, Dharuriyyat Al-Khams.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Kepentingan penjagaan alam sekitar perlu diambil perhatian oleh segenap lapisan masyarakat terutamanya individu Muslim. Ini kerana alam sekitar merupakan salah satu amanah yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai seorang khalifah di muka bumi ini. Firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya" (al-Quran. al- Baqarah: 30).

Dalam konteks ini, alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam menjamin kelangsungan hidup manusia. Naek Muhammad (1992) menegaskan bahawa alam sekitar dapat memenuhi keperluan manusia sama ada dalam aspek makanan, pakaian, dan tempat perlindungan serta menjadi medium interaksi antara satu sama lain. Lantaran itu, kepentingan dalam penjagaan alam sekitar itu perlu dititikberatkan bagi meneruskan kelangsungan hidup dan generasi akan datang.

Di samping itu, bagi mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat, hak manusia di dalam Islam secara umumnya dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu: hak dharuriyyah (keperluan asas), hak hajiyyah (kemudahan dan kelapangan) dan hak tahsiniyyah (kesempurnaan). Bagi merealisasikan tuntutan hak dharuriyyah ini, terdapat lima bentuk pemeliharaan yang telah ditetapkan oleh Islam dikenali sebagai *al-dharuriyyat al-khams* iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), harta (*hifz al-mal*) dan keturunan (*hifz al-nasl*) dan mempunyai kaitan rapat dengan kepentingan melestarikan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*). Sehubungan dengan itu, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sangat berkait rapat dengan masalah asas yang melibatkan pemeliharaan lima perkara dalam *dharuriyyat al-khams*, iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta (Anuar Ishak, 2021).

Objektif utama kajian adalah untuk menjelaskan kepentingan penjagaan alam sekitar menurut perspektif Maqasid Syariah. Walau bagaimanapun, fokus utama kajian adalah untuk menghuraikan hubungan antara *dharuriyyat al-khams* iaitu memelihara

agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara harta, dan memelihara keturunan dengan kepentingan penjagaan alam sekitar.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi yang digunakan adalah bersifat kualitatif melalui kajian kepustakaan iaitu dengan menjalankan penyelidikan dan mengumpul maklumat daripada artikel jurnal, tesis penyelidikan, dan buku-buku ilmiah. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan berkaitan dengan penjagaan alam sekitar dan hubungannya dengan Maqasid Syariah dalam mencapai objektif kajian secara lebih tepat.

### **KAJIAN LITERATUR**

Alam sekitar didefinisikan sebagai sebagai unsur-unsur fizikal yang berada di sekeliling manusia seperti tanah, air, udara, iklim, tumbuhan, haiwan serta unsur-unsur biologi dan sosial yang saling bergantung antara satu sama lain (Akta 127- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Bahagian 1, Seksyen 1 (Tafsiran)). Dalam pengertian sains dan teknologi pula, alam sekitar atau persekitaran boleh membawa maksud segala apa yang ada di sekeliling dan berhubung kait dengannya, sehingga menimbulkan satu suasana atau sesuatu itu menjadi persekitaran kepada sesuatu yang lain (Fadil Othman, 1996). Pelbagai bencana alam yang melanda negara berpunca daripada ekosistem alam sekitar negara yang semakin tercemar dan rosak disebabkan kerakusan manusia sendiri dalam mengejar pembangunan. Oleh itu, kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini bergantung kepada sejauh mana kesedaran manusia dalam memastikan alam sekitar tidak berhadapan dengan pencemaran dan kehabisan sumber alam.

Hazura dan Norhaidah (2007) menyatakan proses pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar perlu direncanakan secara sistematik bagi menjamin kelangsungannya serta mengawal elemen-elemen luar yang boleh mendatangkan kemudaratan terhadap alam sekitar. Hubungan antara manusia dengan alam sekitar merupakan antara perkara yang diberikan penekanan yang utama oleh Islam. Di dalam perspektif Maqasid Syariah, objektif Syariah perlu dihayati dan diaplikasikan dalam menangani isu pengurusan alam sekitar. Imam Ghazali berpandangan bahawa apa sahaja perkara yang membawa kemudaratan perlu dielakkan. Justeru, Setiap individu dalam masyarakat perlu menguruskan sumber alam dengan berhemah dan teliti bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sumber alam secara tidak terkawal.

Hashim, R. F., & Elturk, D. T. (2013) menyatakan bahawa etika alam sekitar Islam berakar pada kepercayaan bahawa alam sekitar adalah ciptaan Allah SWT, manusia mempunyai kewajipan untuk menjaganya. Ajaran Islam menggalakkan konsep seperti amanah dan akauntabiliti (muhasabah) dalam menguruskan alam sekitar. Menurut Imaduddin & Noor Shakirah (2016), terdapat banyak ayat al-Quran dan al-Hadis berhubung dengan etika alam sekitar Islam dan ia menekankan hubungan antara manusia dan alam.

El-Baghdadi, I., & Elgari, A. A. (2016) juga menyatakan Maqasid Syariah menggalakkan pemuliharaan dan penggunaan sumber asli secara mampan. Prinsip *maslahah* (kepentingan awam) menetapkan bahawa sumber harus digunakan dengan cara yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan. Ini kerana, ajaran Islam menyeru kepada pengurusan sumber yang bertanggungjawab, termasuk mengelakkan pembaziran (*israf*) dan mengamalkan kesederhanaan (*ihtisab*). Prinsip ini boleh digunakan untuk pelbagai isu alam sekitar, seperti penjimatan air, kecekapan tenaga, dan penggunaan yang bertanggungjawab.

Ini kerana, konsep Maqasid Syariah menyediakan rangka kerja yang komprehensif untuk menangani pelbagai aspek kehidupan manusia termasuk penjagaan alam sekitar. Dari perspektif ini, penjagaan alam sekitar sejajar dengan pelbagai objektif Maqasid Syariah, seperti pemeliharaan kehidupan (*hifz al-nafs*), perlindungan alam sekitar (*hifz al-bi'ah*), dan promosi pembangunan mampan (*hifz al-mal*).

Othman, N. Z., & Akhir, N. M. (2018) menyatakan dalam konteks penjagaan alam sekitar, sifat pemuliharaan sumber semula jadi sepadan dengan prinsip Maqasid Syariah

ialtu pemeliharaan bertanggungjawab (amanah) dan pemeliharaan sumber Bumi untuk generasi akan datang. Perlindungan biodiversiti sejajar dengan objektif Maqasid Syariah untuk mempromosikan keadilan (*al-'adl*) dengan mengiktiraf hak semua makhluk hidup dan mengekalkan keseimbangan yang harmoni dalam alam semula jadi. Tambahan pula, pengurangan pencemaran dan pembaziran bersesuaian dengan prinsip Maqasid Syariah iaitu mencegah kemudaratan (*dar' al-mafsadah*) dan memelihara kesihatan awam. Penggunaan tanah yang mampan dan penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab mencerminkan objektif Maqasid Syariah untuk memastikan pembangunan ekonomi yang mampan (*hifz al-mal*) dan kebajikan sosial. Dengan memasukkan prinsip-prinsip Maqasid Syariah ke dalam amalan penjagaan alam sekitar, individu dan masyarakat boleh memenuhi kewajipan etika mereka terhadap alam sekitar sambil pada masa yang sama mencapai matlamat yang lebih luas yang digariskan dalam undang-undang Islam.

Selain daripada itu, Al-Attas, S. N. (1980) dan juga Kahf, M. (2011) menyatakan bahawa kesedaran alam sekitar selaras dengan prinsip Maqasid al-Syariah *hifz al-bi'ah*, yang menekankan perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar. Dengan menggalakkan kesedaran alam sekitar, individu dan komuniti menjadi lebih sedar akan tanggungjawab mereka untuk menjaga alam semula jadi. Kesedaran ini memupuk semangat menjaga (amanah) dan menggalakkan tindakan yang sejajar dengan objektif yang lebih tinggi untuk memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang. Pendidikan alam sekitar adalah selaras dengan objektif Maqasid Syariah iaitu memajukan ilmu dan hikmah. Dengan menyediakan individu dengan pengetahuan dan pemahaman yang diperlukan tentang isu alam sekitar, pendidikan alam sekitar membolehkan mereka membuat keputusan termaklum dan mengambil tindakan yang bertanggungjawab terhadap penjagaan alam sekitar. Ia memberi kuasa kepada individu untuk mengenali kesalinghubungan tindakan mereka dan alam sekitar, memupuk pemahaman holistik tentang alam sekitar sebagai amanah yang perlu dipelihara.

Selain itu, Metwally, A. A., Ahmad, M. M., & Elkaffas, A. F. (2019) dan juga Kahl, S. (2016) menekankan penggunaan insentif ekonomi untuk menggalakkan penjagaan alam sekitar sepadan dengan prinsip Maqasid Syariah *hifz al-mal*, yang memerlukan pemeliharaan kekayaan dan sumber. Dengan menyediakan insentif kewangan untuk amalan mampan, sistem ekonomi boleh sejajar dengan objektif memelihara alam sekitar dan menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan.

Al-Zuhailiy, W. (2001) dan juga Fakhri, M. (2014) menyatakan bahawa penyepaduan ini membantu mewujudkan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kemampuan alam sekitar, memupuk ekonomi yang lebih bertanggungjawab dan cekap sumber. Haneef, M. A., & Hudaib, M. (2015) juga menyatakan bahawa tadbir urus alam sekitar berkait rapat dengan prinsip Maqasid Syariah untuk menegakkan keadilan (*al-'adl*). Tadbir urus alam sekitar yang berkesan memastikan pengurusan sumber alam sekitar yang adil dan saksama serta penguatkuasaan peraturan dan dasar. Ia membolehkan penyertaan pihak berkepentingan dan memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Dengan mengintegrasikan tadbir urus alam sekitar dalam kerangka Maqasid Syariah, ia menjadi wadah untuk mencapai keadilan dan memenuhi objektif memelihara alam sekitar untuk manfaat semua.

## DAPATAN KAJIAN

Maqasid Syariah adalah tunjang utama Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan untuk kebajikan manusia (Mohammad Hashim, 2012). Ia merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosioekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang merupakan kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2009). Memelihara alam sekitar dalam erti yang lebih luas bermaksud menjaga manusia dengan seluruh unsur penciptaannya, jasmani, jiwa dan akal. Ia merupakan satu tanggungjawab dan amanah kepada manusia untuk memakmurkan alam. Kewujudan Maqasid Syariah dalam penjagaan alam sekitar adalah

berkaitan rapat untuk memelihara kemaslahatan manusia dan mencegah kefasadan (Yusuf Hamid al-Alim, 1993).

Penerapan Maqasid Syariah dalam penjagaan alam sekitar sangat penting kerana kehidupan manusia di bumi ini sebenarnya turut dikongsi bersama-sama dengan makhluk lain seperti jin, haiwan, tumbuhan-tumbuhan, flora dan fauna. Tambahan pula, banyak kerosakan dan bencana alam telah berlaku di bumi ini, berkemungkinan besar ia adalah seperti yang Allah SWT telah memperingatkan kita bahawa kerosakan bumi ini adalah disebabkan oleh manusia sendiri. Firman Allah SWT:

﴿وَاللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ هَلْ مِنْ شُرَكَائِكُمْ مَن يَفْعَلُ مِن دُونِ اللَّهِ شَيْئًا سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ﴾

Maksudnya: “Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)” (al-Quran. Al-Rum: 40).

Dengan adanya konsep Maqasid Syariah maka masalah dapat dijaga dan dalam masa yang sama dapat menolak kemudaratan. Oleh itu, kajian ini menekankan hubungan Maqasid Syariah (*dharuriyyat al-khams*) iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-‘aql*), harta (*hifz al-mal*) dan keturunan (*hifz al-nasl*) dalam penjagaan alam sekitar.

## PERBINCANGAN

### *Dharuriyyat al-Khams* dan Alam Sekitar

#### 1. *Hifz al-Din*

Kepentingan memelihara agama dapat difahami melalui konsep Islam sebagai *al-din* (Asmadi, 2003). Menurut Khairul Azhar (2018), tauhid yang sempurna bukan terhad kepada pengucapan iman semata-mata bahkan perlu dikukuhkan dengan pembuktian manifestasi iman melalui amal soleh dengan mematuhi segala perintah Allah SWT serta menghadirkan sifat ihsan yang berperanan sebagai pengawal dalam setiap perbuatan. Justeru, keperluan menjaga alam sekitar dikaitkan dengan pemeliharaan agama, mewujudkan akhlak di dalam diri seseorang insan itu di mana agama dan akhlak akan bergerak seiring. Pada waktu yang sama, alam sekitar merupakan salah satu daripada amanah yang telah diamanahkan kepada manusia untuk memeliharanya dengan baik. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَخَوْنُوا أَمْنِيَّتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui” (Al-Quran. Al-Anfal: 27).

Al-Qardawi menyatakan bahawa tuntutan penjagaan alam sekitar sebenarnya merupakan tuntutan yang fardu ke atas semua umat Islam yang perlu disempurnakan dengan penuh ketaatan dan kesungguhan (Al-Qardawi, 2000). Maka, usaha penjagaan alam sekitar seharusnya dilaksanakan sebaik mungkin bagi mencapai hakikat kesempurnaan iman.

#### 2. *Hifz al-Nafs*

Alam sekitar yang berkualiti menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian hidup manusia dari segi psikologi dan keselamatannya (Khairul Azhar, 2018). Oleh yang demikian, apabila berlaku pencemaran, ia boleh menyebabkan kesulitan dan kesukaran terhadap manusia seluruhnya. Ketidakseimbangan fungsi alam dan bencana alam seperti tanah

runtuh, banjir kilat, sesak nafas akibat pencemaran udara, tidak mendapat bekalan air terawat dan seumpamanya boleh mengorbankan nyawa manusia. Islam memberikan ancaman yang serius berkaitan golongan yang melakukan perkara tersebut. Firman Allah SWT:

﴿مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ بَعْدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ﴾

Maksudnya: “Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.” (Al-Quran. Al-Ma’idah: 32).

Sehubungan itu, penjagaan nyawa merupakan perkara yang sangat penting dalam agama. Ini kerana ia melibatkan anugerah yang sangat bernilai yang diberikan oleh Allah SWT kepada hambanya sebagai amanah. Oleh yang demikian, inisiatif dalam mewujudkan keseimbangan alam sekitar perlu dilaksanakan secara serius untuk mengelakkan sebarang kemudaratan berlaku terhadap manusia seterusnya menjamin kelangsungan hidup manusia dan hidupan lain di dunia ini.

### 3. Hifz al-‘Aql

Akal merupakan anugerah istimewa yang wajib dipelihara dan disyukuri. Melalui akal yang waras telah mengangkat kedudukan manusia dan keistimewaan mereka berbanding makhluk lain. Demi menjaga akal daripada disalahgunakan atau dirosakkan, Islam telah mengajar manusia untuk bijak menguruskan alam sekitar supaya ianya dapat dijaga, dibela dan dipelihara dengan baik yang mana terdiri daripada haiwan dan tumbuhan. Firman Allah SWT:

﴿وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya: “Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Al-Quran. Al-An’am: 165).

Dalam ayat tersebut, Allah SWT telah menekankan tentang kedudukan manusia berbanding makhluk-makhlukNya yang lain adalah dengan kurniaan Akal untuk mentadbir dan menguruskan muka bumi ini. Allah SWT telah menciptakan pelbagai kemudahan di muka bumi ini untuk manusia memakmurkannya sebaik mungkin. Firman Allah SWT:

﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ﴾

Maksudnya: “Dia lah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).” (Al-Quran. Al-Mulk: 15).

Segala usaha menjaga kelangsungan hidup manusia tidak akan bermakna sekiranya akal tidak dijaga. Di dalam al-Quran telah banyak disebut berulang kali tentang berfikir menggunakan akal seperti ayat-ayat yang menyatakan “apakah kamu tidak memikirkan”, terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal, apakah kamu tidak mahu mengambil pelajaran” dan banyak lagi perkataan yang menyarankan kita menggunakan akal untuk berfikir dan mengambil iktibar.

Dalam konteks ini, barang siapa yang memelihara alam sekitar maka ia juga sama dengan menjaga keseimbangan berfikir, keseimbangan antara hari ini dan yang akan datang serta antara yang mendatangkan kemaslahatan dengan yang mendatangkan kefasadan. Allah SWT telah menyeru manusia supaya tidak melakukan kerosakan terhadap muka bumi. Jika manusia tidak menggunakan akal fikiran ke arah kebaikan, maka akan berlakunya kerosakan dan kemusnahan. Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.” (Al-Quran. Al-A'raf: 56).

Setiap manusia di muka bumi ini sebagai khalifah yang telah diamanahkan oleh Allah SWT dalam memelihara alam sekitar yang telah dianugerahkan kepada umat manusia. Sehubungan dengan itu, menjadi kewajipan kepada setiap manusia dalam memelihara alam semula jadi.

#### 4. Hifz al-Mal

Alam sekitar merupakan satu aset penting di dalam sesebuah negara, ia merupakan harta yang perlu dijaga dan dipelihara dengan sebaik mungkin. Harta bukan sahaja wang, emas atau perak sahaja, sebaliknya harta juga merujuk kepada segala benda yang menjadi milik manusia dan segala bentuk usaha untuk memperolehnya juga adalah harta. Begitu juga dengan bumi, pokok, tanaman, binatang ternak, tempat tinggal, pakaian dan segala benda keperluan manusia juga adalah harta. Keharusan dalam menjaga alam sekitar juga adalah merupakan kewajipan menjaga harta.

Dalam konteks ini, manusia perlu menjauhi daripada melakukan sesuatu yang merugikan dengan mengeksploitasi alam sekitar tanpa tujuan yang munasabah dan tidak bijaksana sehingga hilangnya sumber harta benda alam. Kemusnahan alam sekitar yang terjadi di bumi adalah kesan dari sifat manusia yang sentiasa tamak dengan hasil keduniaan. Tindakan mereka yang hanya mengaut keuntungan dunia semata-mata dan demi kepentingan diri sendiri sahaja menjurus pelbagai kesan yang negatif antaranya ialah telah mengganggu ekosistem hidupan lain, pencemaran, kepupusan flora dan fauna disebabkan contohnya seperti kegiatan pembalakan haram yang berleluasa dan luar kawalan.

Penjagaan alam sekitar ini telah mencapai tahap *dharuriyyat* dalam Maqasid Syariah kerana perlu menjaga harta kurniaan Allah SWT. Pihak berkuasa perlu bertegas dalam isu ini agar dapat membendung aktiviti-aktiviti haram yang melanggar undang-undang yang ditetapkan demi mementingkan diri sendiri dan melanggar undang-undang yang sepatutnya. Penerapan pensyariaan Islam dapat menjaga aset alam sekitar dan mengekalkan kelestariannya. Firman Allah SWT:

﴿وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ﴾

Maksudnya: “Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan". (Al-Quran. Al-Baqarah: 11).

### 5. *Hifz al-Nasl*

Menjaga keturunan bermaksud menjaga kelangsungan generasi manusia akan datang (Muhammad Hisyam, 2009). Penyelewengan & kerosakan terhadap alam sekitar seperti meneroka dan mengambil hasil bumi secara berlebihan yang menjadi hak milik generasi akan datang dianggap sebagai mengancam kelangsungan kehidupan keturunan masa depan. Dalam konteks ini, setiap manusia haruslah bertanggungjawab terhadap semua aspek termasuklah pendidikan, kesihatan, moral dan akhlak bagi kemampunan global generasi pada masa akan datang. Oleh itu, menjadi tanggungjawab generasi pada masa kini bertanggungjawab terhadap gejala-gejala yang boleh merosakkan alam sekitar yang akan menjadi penyebab kepada rosaknya kehidupan keturunan masa hadapan. Sabda Nabi Muhammad SAW:

{عَنِ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا كُتُّكُمْ رَاعٍ وَكُتُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَأَلَا مِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُ أَلَا فَكُتُّكُمْ رَاعٍ وَكُتُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ }

Maksudnya, "Daripada Ibnu Umar, daripada Nabi SAW, beliau bersabda: "Ketahuilah Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap daripada kamu akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpin. Seorang raja adalah pemimpin bagi rakyatnya, dan dia akan diminta pertanggungjawaban terhadap yang dipimpin. Seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya, dan ia akan diminta pertanggungjawaban terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya, dan akan diminta pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya. Seorang hamba adalah pemimpin bagi harta tuannya, dan dia juga akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpinnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta pertanggungjawaban atas apa yang kamu pimpin" (Hadis. Muslim. Bab Fadhilah al-Imam al-'Adil wa al-'Uqubah al-Jair". 1829).

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul dan ditunaikan dengan sebaik mungkin. Sekurang-kurangnya seseorang itu menjadi pemimpin untuk dirinya sendiri agar tidak terjerumus dan lalai dengan maksiat apatah lagi sekiranya seorang bapa hendaklah menunaikan haknya sebagai ketua keluarga dengan memimpin anak-anak dan isteri-isterinya dengan baik dan begitulah juga perumpamaan terhadap ketua atau pemimpin sesebuah negara.

Dalam konteks ini, hadis tersebut menegaskan bahawa setiap manusia bertanggungjawab terhadap apa yang dilakukan seperti kemusnahan dan kerosakan alam sekitar yang menjejaskan nyawa manusia dan hidupan lain untuk meneruskan kehidupan. Jika pencemaran ini tidak dibendung dan semakin berleluasa maka bagaimanakah pula nasib manusia yang ingin menikmati alam sekitar yang bersih sebagai kegunaan harian mereka dan bagaimana pula nasib kehidupan makhluk lain untuk meneruskan kehidupannya? Persoalan ini menggambarkan betapa pentingnya menghayati Maqasid Syariah dalam memelihara keturunan yang akan datang demi menjaga alam sekitar.

Oleh itu, penjagaan alam sekitar dapat menyumbang kepada kestabilan ekosistem serta kesejahteraan dan keharmonian habitat flora dan fauna terpelihara. Tambahan, kesihatan manusia terjamin dan dapat lagi menarik minat kedatangan pelancong Menjamin bekalan sumber alam demi kelangsungan hidup generasi akan datang.

### PENUTUP

Alam sekitar sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Ia merupakan anugerah Allah SWT kepada hambaNya. Hal ini menjadi satu kepentingan bagi pengkaji untuk menekankan konsep *dharuriyyat* dalam Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, jiwa, akal, harta dan



keturunan. Islam menekankan pencyariatan ini kepada umatnya untuk menjaga kelestarian alam iaitu meliputi pemeliharaan dan pemuliharaan alam (Wahyu & Ridan, 2019). Selain itu, Maqasid Syariah merupakan teras kepada Syariah Islam yang melibatkan akidah, ibadah dan akhlak seseorang kerana demi menjaga kemaslahatan.

Aspek *hifz al-bī'ah* iaitu menjaga dan memelihara alam sekitar kurang diberi perhatian berkenaan isu kerosakan alam sekitar. Punca utama masalah pencemaran dan kerosakan alam sekitar adalah disebabkan kegagalan manusia dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah.

Justeru, setiap individu perlu memelihara alam sekitar dengan penuh rasa tanggungjawab dalam diri sendiri kerana jika alam sekitar ini tidak dipelihara dengan sebaiknya, maka akan menyebabkan berlaku pelbagai kerosakan muka bumi seperti pencemaran air, udara, dan lain-lain. Sebagai manusia yang dikurniakan oleh Allah SWT akal fikiran dan tubuh badan yang sihat, seharusnya memandang perkara ini serius dalam menjaga amanah yang ditaklifkan oleh Allah SWT serta memakmurkan alam sekitar dengan sempurna. Selain itu, hubungan *hablum min Allah* dan *hablum min al-nas* dijadikan asas dalam kehidupan untuk memelihara kelestarian dan kestabilan alam sekitar. Akhirnya dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar terus terjamin, kemaslahatan dan kemafsadatan haruslah diterapkan bagi memastikan konsep *dharuriyyat* Maqasid Syariah terus digunakan.

## RUJUKAN

### Buku

- Asmadi Mohamed Naim. 2003. *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Kedah: UUM.
- al-Attas, S. N. 1980. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- El-Baghdadi, I., & Elgari, A. A. 2016. *Maqasid al-Shariah: An Introductory Guide*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Fadil Othman. 1996. *Permasalahan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Penerbitan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakhri, M. 2014. *Islamic Environmentalism: Activism in the United States and Great Britain*. Routledge.
- Haliza Abdul Rahman & Rohasliney Hashim. 2010. *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haneef, M. A., & Hudaib, M. 2015. *Islamic Economics: Theory and Practice*. Springer.
- Ibn Kathir, Ismail Umar. 2009. *Tafsir Al-Qur'an al-Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Kahl, S. 2016. *Islamic Environmental Ethics: A Study of the Islamic Perspective on the Environment and Environmental Problems*. Springer.
- Mohmadisa Hashim & Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah. 2005. *Pembangunan dan Alam Sekitar di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Perak.
- Muslim, Abu al-Husin. 1955. *Sahih Muslim*. Kaherah: Mutbi'ah 'Isa al-Babiy al-Halabiy.
- Norhibah Hasan Zawawi. 1999. *Konsep Islam terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al-Qurtubiyy, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. 2006. *Al-Jami' li al-Ahkam al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Yusuf Hamid al-Alim. 1993. *Al-Maqasid al-'Ammah li al-Syariah al-Islamiyyah*. Maghribi: Dar al-Aman.
- al-Zuhailiyy, W. 2001. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu (Islamic Jurisprudence and Its Evidence)*. Dar al-Fikr.

### **Jurnal**

- Farrah Wahida Mustafar, Mohamad Haiqal Danial Hamdan, Norfadzilah Jusoh, Shamsilawati Mustafar. 2020. *Penjagaan Alam Sekitar Menurut Maqasid Syariah Dan Undang-Undang*. *Journal of Law and Governance*, 3(1), 96-112.
- Hashim, R. F., & Elturk, D. T. 2013. *Environmental Ethics from the Islamic Perspective*. *Journal of Religion and Business Ethics*, 4(1), 1-20.
- Imaduddin Abdul Halim & Noor Shakirah Mat Akhir. 2016. *Tafsir Ayat-Ayat al-Quran Berkenaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar di Malaysia*. *Afkar*, 18(1), 91-130.
- Kahf, M. 2011. *Development and Islamic values: An evaluation of the Maqasid al-Shari'ah approach*. *Islamic Economic Studies*, 19(2), 51-76.
- Metwally, A. A., Ahmad, M. M., & Elkaffas, A. F. 2019. *Islamic Perspectives on Environmental Ethics, Law, and Management: Towards a Sustainable Green Economy*. *Sustainability*, 11(8), 2225.
- Muhammad Hilmi Mat Johar. 2021. *Pengurusan Risiko Bencana Alam Berteraskan Maqasid Syariah: Satu Sorotan Literatur*. *Jurnal al-'Ulwan*, (6)1, 191-201.
- Othman, N. Z., & Akhir, N. M. 2018. *Environmental Responsibility from an Islamic Perspective: Insights from Maqasid al-Shariah*. *Environment, Development, and Sustainability*, 20(5), 2231-2246.

### **Seminar dan Prosiding**

- Saidatul Munirah Sharifuddin. 2019. *Maqasid Syariah dan Pelaksanaannya Dalam Bidang Pemuliharaan Alam Sekitar*. Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*